KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	10/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	JKPTG			

Tanaman kontan atas tanah rizab

Pihak yang berhasrat boleh kemukakan ke pejabat tanah dan daerah

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM



AMIRUDIN

SIDANG DUN SELANGOR

Kerajaan Selangor meluluskan garis panduan lesen pendudukan sementara (LPS) yang menetapkan permohonan LPS di atas tanah rizab kerajaan negeri dibenarkan untuk tujuan pertanian kategori tanaman kontan.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu dibuat melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 19/2019 bertarikh 10 Jun 2019 yang telah disahkan oleh MMKN ke 20/2019 pada 24 Jun 2019.

"Sehubungan itu, mereka yang berhasrat mengusahakan aktiviti pertanian terhad kepada tanaman kontan di atas tanah rizab kerajaan seperti rizab sungai, rizab jalan, rintis talian elektrik dan lain-lain tanah rizab negeri boleh mengemukakan permohonan ke pejabat tanah dan daerah yang berkenaan untuk pertimbangan selanjutnya selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 4/2015," katanya.

Amirudin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Tua berkata demikian ketika sesi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke -14 di sini pada Khamis.